



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## MRT CORP MENYAMBUT BAIK KOMITMEN KERAJAAN MELAKSANAKAN PROJEK MRT3

**Kuala Lumpur, 25 Februari 2023:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menyambut baik komitmen kerajaan dalam melaksanakan Projek MRT3, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Bajet 2023.

Projek MRT3, sebuah komponen yang penting untuk melengkapkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Lembah Klang, akan dilaksanakan seperti yang dirancang dengan pengurangan bajet.

Mengulas perkembangan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas kelulusan serta komitmen yang diberikan beliau untuk melaksanakan Projek MRT3 sebagai inisiatif berimpak tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.

MRT3 bakal melancarkan pergerakan penumpang di seluruh rangkaian transit rel Lembah Klang. Projek ini juga akan meliputi kawasan-kawasan bandar yang masih tidak mendapat akses kepada perkhidmatan transit rel, membangunkan sebuah hab pengangkutan utama di Titiwangsa dan membuat pelaburan bagi memastikan ketersambungan pertama dan terakhir perjalanan.

Selain daripada program pembinaan, Projek MRT3 bakal memangkin pembangunan rumah mampu milik di sepanjang koridor jajaran bagi memenuhi aspirasi Malaysia MADANI, menggalakkan daya cipta tempatan dalam teknologi IBS serta teknologi sistem, dan meningkatkan kemampanan rantai bekalan di seluruh negara.

“Kami berpendapat penjimatan bajet boleh dicapai kerana projek ini akan dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka dengan kriteria dan proses yang terangkum. MRT Corp komited dalam memastikan tadbir urus yang mantap pada setiap peringkat projek dan akan terus melaksanakan kawalan kos yang berhemat,” kata Mohd Zarif.

Tambah beliau, MRT Corp akan mengambil berat sebarang kesan terhadap pihak berkepentingan semasa peringkat pengambilan tanah dan pembinaan. Ianya akan diuruskan dengan penuh pertimbangan.



**Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



Projek MRT3 bakal melingkari pinggir bandaraya Kuala Lumpur dan mempunyai jajaran sepanjang 51km. Jajaran MRT3 akan bersambung dengan laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel melalui 10 stesen pertukaran. Apabila siap kelak, rangkaian rel bandar ini akan merencanakan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang.

-/tamat-

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Cik Amalina Ghazali**  
MRT Corp

**016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)**